



Ruj. Kami: KUDR/MXS/B/09/24/0061 (15 )  
Ruj. Tuan: MBSB/NR/VCOMM/KUDR/LUPP-PTRE/09-2024  
Tarikh : 24 Oktober 2024

**Maxis Broadband Sdn Bhd**  
Level 9, Menara Maxis,  
Kuala Lumpur City Centre,  
Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur  
(u.p: En Ahmad Hafez Aswadi)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN IZIN LALU  
UNTUK PEMASANGAN DAN PENYAMBUNGAN KEMUDAHAN  
UTILITI TELEKOMUNIKASI SERTA PENGOREKAN UNTUK  
PROJEK "FIBERISATION" MAXIS BROADBAND SDN BHD.  
(LUPP-PTRE)**

**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak tuan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	JALAN CHANGKAT JERING- SERI MANJUNG-KG KOH (FT60)	JKR MANJUNG	<b>RM 42,700.00</b> (Deposit Keselamatan 100% Dalam Wang Cagaran Kelompok)
2.	BAYARAN PERKHIDMATAN KUDR	OSA	<b>RM 5100.00</b> (Merujuk sebut harga KUDR yang dilampirkan)

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period"** (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.





Ruj. Kami : KUDR/MXS/B/09/24/0061 ( 15 )  
Tarikh : 24 Oktober 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN IZIN LALU  
UNTUK PEMASANGAN DAN PENYAMBUNGAN KEMUDAHAN  
UTILITI TELEKOMUNIKASI SERTA PENGOREKAN UNTUK  
PROJEK "FIBERISATION" MAXIS BROADBAND SDN BHD.  
(LUPP-PTRE)**

**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan sebut harga **QT-10-0061** bertarikh **24 Oktober 2024** untuk disetujui terima pihak Tuan/Puan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin laluan ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja bermula dari tarikh **17 Oktober 2024** sehingga tamat **16 April 2025** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu membuat permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan/Puan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Wan Mohd Fakrullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan terima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/23102024/Kamarul/Wan